



**GARIS PANDUAN BERURUSAN DI MAHKAMAH
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT
DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR)/Peguam Persekutuan (PP)/Peguam semasa berurusan di Mahkamah dalam usaha mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19.
2. Demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan Mahkamah serta pelawat Mahkamah, semua pihak yang berurusan di Mahkamah hendaklah mematuhi Garis Panduan ini. TPR/PP/Peguam hendaklah memaklumkan kepada anak guam/ahli keluarga anak guam/saksi/penjamin/Orang Kena Saman (OKS)/Orang Kena Tuduh (OKT) berhubung pematuhan Garis Panduan ini.

LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL

3. Dalam usaha mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19, langkah-langkah yang berikut perlu diambil oleh semua pihak yang berurusan di Mahkamah:

(a) Laluan masuk dan keluar Mahkamah

- TPR/PP/Peguam yang mempunyai urusan di Mahkamah dikehendaki melalui pintu masuk dan pintu keluar yang ditetapkan sahaja. Laluan khas bagi TPR/PP/Peguam akan disediakan Kompleks-Kompleks Mahkamah yang berikut:

- (i) Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur;
- (ii) Kompleks Mahkamah Shah Alam;
- (iii) Kompleks Mahkamah Johor Bahru;
- (iv) Kompleks Mahkamah Pulau Pinang;
- (v) Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu; dan
- (vi) Kompleks Mahkamah Kuching.

(b) Perisytiharan sebelum memasuki bangunan Mahkamah

- Bagi tujuan penjejakan sosial (*social tracing*), TPR/PP/Peguam dikehendaki untuk melengkapkan Borang Pelawat (sebagaimana di Lampiran) dan meletakkannya di dalam kotak yang disediakan di pintu masuk Mahkamah. Borang Pelawat bolehlah dimuat turun di portal rasmi Badan Kehakiman Malaysia, <http://www.kehakiman.gov.my/>
- TPR/PP/Peguam dinasihatkan untuk melengkapkan Borang Pelawat sebelum tarikh pendengaran atau tarikh urusan bagi memudahkan urusan kemasukan ke Mahkamah. Mana-mana orang yang tidak melengkapkan Borang Pelawat tidak akan dibenarkan memasuki bangunan Mahkamah.

(c) Pemakaian penutup muka (*face mask*)

- TPR/PP/Peguam yang mempunyai urusan di Mahkamah dikehendaki menggunakan penutup muka (*face mask*) apabila memasuki bangunan Mahkamah. Kegagalan berbuat demikian, tidak akan dibenarkan untuk memasuki bangunan Mahkamah.

(d) Imbasan suhu badan

- Imbasan suhu badan akan dilaksanakan kepada semua TPR/PP/Peguam di semua pintu masuk bangunan Mahkamah. Mana-mana TPR/PP/Peguam yang didapati mengalami suhu badan melebihi 38° atau mengalami gejala penyakit COVID-19 seperti batuk, sakit tekak, kesukaran bernafas dan lain-lain tidak akan dibenarkan masuk ke bangunan Mahkamah.

(e) Pergerakan di bangunan Mahkamah

- TPR/PP/Peguam hanya boleh memasuki premis Mahkamah 30 minit sebelum pendengaran sesuatu kes.
- Sepanjang berada di bangunan Mahkamah, TPR/PP/Peguam hendaklah mengehadkan pergerakan mereka dan segera meninggalkan bangunan Mahkamah setelah selesai pendengaran sesuatu kes atau urusan lain.

(f) Pendengaran secara masa berperingkat

- Untuk memastikan kehadiran pihak-pihak di Mahkamah Terbuka diminimumkan, masa pendengaran sesuatu kes pada tarikh pendengaran akan ditetapkan secara masa berperingkat (*staggered timing*) dengan mengambil kira penjarakan sosial antara pihak-pihak. Notis pemakluman tarikh dan masa pendengaran sesuatu kes akan dikeluarkan kepada TPR/PP/Peguam bagi semua kes yang berkenaan. Pihak-pihak dinasihatkan untuk tidak berada di Mahkamah Terbuka sehingga kes mereka dipanggil.
- TPR/PP/Peguam juga dinasihatkan untuk berhubung dengan pihak Mahkamah bagi mengetahui status kes masing-masing.

(g) Kehadiran di Mahkamah

- Hanya dua orang peguam sahaja (termasuk Pelatih Dalam Kamar) bagi satu pihak yang boleh hadir bagi setiap pendengaran. Sekiranya TPR/PP/Peguam memerlukan penambahan, permohonan bersama justifikasi hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah sebelum tarikh perbicaraan.
- Hanya seorang anak guam bagi satu pihak dibenarkan berada di bangunan Mahkamah semasa pendengaran.
- Penjamin-penjamin dibenarkan untuk memasuki premis Mahkamah.
- Hanya seorang ahli keluarga OKT dibenarkan.

(h) Penjarakan sosial (*Social distancing*)

- Bagi tujuan penjarakan sosial, TPR/PP/Peguam dikehendaki untuk duduk di tempat yang tidak mempunyai tanda pita yang disediakan di dalam Mahkamah Terbuka bagi membolehkan penjarakan sosial dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.
- Bagi TPR/PP/Peguam yang sedang menunggu giliran kes, TPR/PP/Peguam hendaklah menunggu di tempat khas yang ditetapkan dengan mematuhi penjarakan sosial yang ditandakan.
- Semua pihak hendaklah mematuhi penjarakan sosial yang telah ditandakan di bangunan Mahkamah seperti di kantin, kaunter pendaftaran/kaunter bayaran, lif dan lain-lain.
- TPR/PP/Peguam juga hendaklah memaklumkan kepada saksi supaya mematuhi penjarakan sosial di Bilik Saksi.

(i) Pendengaran secara dalam talian (*Online hearing*)

- Pendengaran kes secara dalam talian adalah digalakkan.
- Semua Pengurusan Kes akan dijalankan secara dalam talian bagi Mahkamah yang menggunakan Sistem e-Kehakiman.

(j) Kebersihan Premis Mahkamah

- Kerjasama semua pihak adalah dipohon untuk menjaga kebersihan premis Mahkamah.

(k) Arahan berhubung dengan Wabak Covid-19

- Selain tatacara yang dinyatakan di atas, apabila berurusan di Mahkamah, TPR/PP/Peguam hendaklah juga mematuhi apa-apa arahan berhubung dengan Wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

GARIS PANDUAN TAMBAHAN BAGI PENDENGARAN KES DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN DAN MAHKAMAH RAYUAN

4. Nama TPR/PP/Peguam yang akan menghadiri pendengaran sesuatu kes hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan/Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehari sebelum tarikh pendengaran kes.
5. TPR/PP/Peguam boleh menyemak masa pendengaran bagi kes yang ditetapkan pada hari pendengaran dijalankan melalui QR Code yang diletakkan di pintu masuk Mahkamah.
6. Penyerahan salinan hujahan atau dokumen di Mahkamah Terbuka pada hari yang sama kes ditetapkan untuk pendengaran adalah tidak dibenarkan.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan berkaitan Garis Panduan ini sila rujuk Lampiran.

PEJABAT KETUA PENDAFTAR

MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

TARIKH: 8 MEI 2020

LAMPIRAN



BORANG PELAWAT KE MAHKAMAH

Nama : _____

No. Kad Pengenalan / Pasport : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

Masa : _____

Tujuan : _____

No. Telefon : _____

Nota:

Bagi tujuan *social tracing*, borang ini hendaklah dilengkapkan dan diserahkan kepada petugas Mahkamah sebelum memasuki bangunan Mahkamah.



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

Senarai pegawai yang boleh dihubungi:

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Puan Jumirah binti Marjuki
Timbalan Kanan Pendaftar
Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan
03-8880 3561 / ppmp@kehakiman.gov.my

Mahkamah Rayuan Malaysia

Puan Norliza binti Othman
Pendaftar Mahkamah Rayuan
03-8880 4045 / ppmr@kehakiman.gov.my

Mahkamah Tinggi Malaya

Puan Hasbi binti Hasan
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
03-8880 3704 / pmt@kehakiman.gov.my

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Puan Amelati Parnell
Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
088-286 100 / ppmtss@kehakiman.gov.my

Mahkamah Rendah Malaya

Tuan M. Bakri bin Abd. Majid
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
03-8880 9418 / pmrm@kehakiman.gov.my

Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Tuan Jason Juga
Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
082-442 228 / ppmrenss@kehakiman.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat

Puan Suzarika binti Sahak
Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PKPMP
03-8880 4607 / komunikasikorporat@kehakiman.gov.my



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMAN OPERASI MAHKAMAH BERMULA 13 MEI 2020

Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Arif Tan Sri Tengku Maimun Binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara melalui kenyataan media bertarikh 3 Mei 2020, pendengaran kes di Mahkamah Terbuka akan bermula secara berperingkat mulai 13 Mei 2020.

Selaras dengan langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak jangkitan COVID-19 dengan cara yang terbaik, Badan Kehakiman Malaysia akan menguatkuasakan garis panduan kesihatan dan keselamatan yang ketat seperti berikut:

- a) Pihak-pihak hendaklah menyemak status kes terlebih dahulu sebelum hadir ke Mahkamah. Pihak-pihak adalah digalakkan untuk menjalankan urusan pemfailan dokumen secara e-filing bagi Mahkamah yang mempunyai perkhidmatan e-filing.
- b) Pihak-pihak yang hadir hendaklah memuat turun Borang Pelawat ke Mahkamah melalui Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia bagi tujuan penjejakan sosial (*social tracing*). Borang Pelawat tersebut juga ada disediakan di premis Mahkamah.
- c) Hanya terdapat satu (1) pintu masuk sahaja untuk memasuki premis Mahkamah di seluruh Malaysia.
- d) Hanya pihak-pihak yang mempunyai urusan sahaja dibenarkan untuk masuk ke dalam premis Mahkamah. Bagi kes jenayah, hanya seorang ahli keluarga sahaja dibenarkan untuk hadir dan memasuki premis Mahkamah.
- e) Hanya seorang anak guam bagi satu pihak dibenarkan berada di bangunan Mahkamah semasa pendengaran kes.
- f) Pemakaian penutup muka adalah diwajibkan pada setiap masa di dalam premis Mahkamah. Mahkamah tidak menyediakan penutup muka kepada pihak-pihak yang hadir ke Mahkamah.

- g) Suhu badan setiap individu yang memasuki premis Mahkamah akan diambil dan hanya individu yang mempunyai suhu 38 darjah Celsius dan ke bawah yang dibenarkan masuk. Pihak-pihak dinasihatkan agar tidak hadir ke Mahkamah jika tidak sihat.
- h) Pihak-pihak hendaklah berurusan di kaunter atau Mahkamah yang telah ditetapkan tanpa berlengah.
- i) Saksi atau pihak-pihak di dalam sesuatu prosiding hanya dibenarkan memasuki premis Mahkamah 30 minit sebelum pendengaran sesuatu kes.
- j) Saksi-saksi hendaklah berhubung dengan pihak polis atau Peguam masing-masing terlebih dahulu bagi sesuatu kes untuk memastikan kelancaran kehadiran dan urusan di premis Mahkamah.
- k) Kedudukan dan tempat di dalam Mahkamah Terbuka adalah terhad. Semua pihak hendaklah mematuhi garis sempadan yang telah ditetapkan di setiap tempat duduk.
- l) Pihak-pihak hendaklah segera meninggalkan premis Mahkamah setelah urusan selesai.
- m) Kerjasama semua pihak adalah dipohon untuk menjaga kebersihan premis Mahkamah.
- n) Pihak-pihak juga dipohon untuk mematuhi apa-apa arahan berhubung dengan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

Untuk maklumat lanjut mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) Mahkamah, boleh layari Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia di pautan www.kehakiman.gov.my.

Pejabat ini menghargai kerjasama semua pihak dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pengguna Mahkamah terjaga sepanjang situasi wabak COVID-19 ini. Segala kesulitan yang timbul daripada garis panduan ini adalah amat dikesali.

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 11 Mei 2020